



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

# PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2021

oleh

**YBHG. PROF DATO' GS. TS. DR.  
MOHD EKHWAN BIN HAJI TORIMAN  
PENGERUSI MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**  
yang juga  
**NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**18 OGOS 2022 (KHAMIS)  
MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
12:00 TENGAH HARI**

*Menjana Pentaksiran Jitu*



Majlis Peperiksaan Malaysia



majlispeperiksaan



MEC MPM



**PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN  
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)  
TAHUN 2021**

oleh

**YBHG. PROF. DATO' GS. TS. DR. MOHD EKHWAN  
BIN HAJI TORIMAN**

**PENGERUSI MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (MPM)  
yang juga  
NAIB CANSELOR UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)**

Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

**BILANGAN CALON**

1. Sukacita saya, sebagai Pengurus Majlis Peperiksaan Malaysia memaklumkan bahawa bilangan calon yang mendaftar untuk menduduki peperiksaan STPM 2021 adalah sebanyak 42,369 calon, menurun sebanyak 5.22 peratus (2,335 calon) daripada 44,704 calon yang mendaftar STPM 2020.
  
2. Daripada 42,369 calon yang mendaftar, sebanyak 96.59 peratus calon (40,926 calon) telah hadir untuk menduduki peperiksaan pada ketiga-tiga semester STPM 2021.

**Bilangan Calon Mengikut Aliran**

3. Dari segi **pendaftaran** dan **kehadiran** mengikut **aliran** pula, bilangan calon yang mendaftar untuk **aliran Sains Sosial** adalah

sebanyak **38,615** calon (**91.14** peratus daripada jumlah pendaftaran keseluruhan) dan yang hadir adalah sebanyak sebanyak **37,259** calon (**91.04** peratus daripada jumlah hadir keseluruhan). Bagi **aliran Sains**, sebanyak **3,754** calon (8.86 peratus daripada pendaftaran keseluruhan) telah mendaftar dan yang hadir adalah sebanyak **3,667** calon (8.96 peratus daripada jumlah hadir keseluruhan).

4. Mata pelajaran **Pengajian Am** adalah mata pelajaran wajib dan mempunyai bilangan calon mendaftar yang **tertinggi**, iaitu sebanyak 42,340 (**29** calon tidak mendaftar Pengajian Am).

### **PENCAPAIAN KESELURUHAN CALON**

5. Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa PNGK Nasional STPM 2021 ialah **2.79**, **meningkat** sebanyak 0.01 mata dari tahun 2020, iaitu 2.78.
6. Walau bagaimanapun, pencapaian calon STPM 2021 secara keseluruhannya dianggap masih sama dengan pencapaian calon STPM 2020 kerana perbezaan peningkatannya yang sangat kecil, iaitu hanya sebanyak +0.01 mata dan perbezaan peningkatan ini **tidak menggambarkan signifikan yang besar** kepada pencapaian calon STPM 2021 berbanding dengan calon STPM 2020.
7. Sebanyak **874** calon atau **2.14** peratus calon telah mendapat PNGK 4.00, dan daripada 874 calon ini, **584** atau **66.82** peratus adalah dari golongan **B40**. Bilangan calon yang mendapatkan

PNGK 4.00 ini telah meningkat sebanyak 133 calon, iaitu daripada 741 calon pada tahun 2020 kepada 874 calon pada tahun 2021.

8. Dari segi pencapaian PNGK calon secara keseluruhannya didapati **peratusan** longgokan calon STPM 2021 pada PNGK 3.75 dan ke atas (9.04 peratus), PNGK 3.00 dan ke atas (41.72 peratus), PNGK 2.75 dan ke atas (55.85 peratus), dan PNGK 2.00 dan ke atas (88.24 peratus) adalah meningkat berbanding tahun 2020.
9. Dengan peningkatan peratusan bilangan calon pada PNGK yang telah disebut ini, maka boleh dijadikan jangkaan, Insya-Allah, **TIADA HALANGAN** lebih ramai calon lepasan STPM 2021 diterima masuk ke Universiti Awam pada tahun ini.
10. PNKG calon dalam suatu peperiksaan STPM dihitung berdasarkan purata nilai gred empat mata pelajaran terbaik termasuk **Pengajian Am.**

#### **PNGK CALON MENGIKUT LOKASI BANDAR DAN LUAR BANDAR**

11. Berdasarkan perbandingan PNGK keseluruhan antara calon bandar dan luar bandar sejak tahun 2013, didapati ini merupakan kali pertama TIADA perbezaan jurang pencapaian antara calon bandar dengan calon luar bandar, yang mana kedua-duanya memperoleh **PNGK 2.79** dalam STPM 2021.

## CALON YANG MENDAPAT 5A DAN 4A BAGI SETIAP MATA PELAJARAN

12. Lebih menggembirakan dalam peperiksaan STPM 2021 ini juga ialah, bilangan calon yang mendapat **5A dalam kelima-lima mata pelajaran yang diambil** telah **BERTAMBAH** daripada 23 calon pada peperiksaan STPM 2020 kepada **36 calon** dalam peperiksaan STPM 2021. **Pertambahan** adalah sebanyak **13 calon** (56.52 peratus) berbanding tahun sebelumnya. Daripada 36 calon yang mendapat 5A ini, **21** daripadanya adalah kategori calon **B40**.
  
13. Begitu juga dengan bilangan calon yang mengambil empat mata pelajaran dan mendapat **4A** dalam peperiksaan STPM 2021 telah **BERTAMBAH** daripada 744 calon kepada **860 calon**. Pertambahan adalah sebanyak **116 calon** atau **15.59** peratus daripada tahun 2020. Daripada 860 calon ini juga, **579** daripadanya adalah kategori **B40**.

## PENCAPAIAN CALON MENGIKUT KELULUSAN LULUS PENUH (PERINGKAT PRINSIPAL)

14. Dalam peperiksaan STPM, lulus penuh adalah daripada **gred C ke gred A**, lulus sebahagian adalah antara gred C- ke gred D, dan gagal adalah pada gred F.
  
15. **Peratusan calon** STPM 2021 yang mendapat lulus penuh dalam lima dan empat mata pelajaran berbanding STPM 2020 didapati telah **MENINGKAT** sebanyak 0.73 peratus, iaitu daripada 72.97 peratus pada tahun 2020 kepada 73.70 peratus pada tahun 2021.

16. Untuk makluman, syarat am bagi permohonan kemasukan ke Universiti Awam/Institusi Pengajian Tinggi Awam yang dikeluarkan oleh Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA (BKPA), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bagi program pengajian lepasan STPM ialah mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00** dengan **gred C** dalam **tiga mata pelajaran termasuk Pengajian Am.**

## **PRESTASI MATA PELAJARAN**

17. Secara keseluruhannya, **kesemua 23 mata pelajaran** yang ditawarkan dalam peperiksaan STPM 2021 telah mencatatkan peratusan **lulus penuh melebihi 70 peratus**, iaitu gred C dan ke atas.
18. Dalam peperiksaan STPM 2021, **satu mata pelajaran** telah menunjukkan peningkatan melebihi 3.00 peratus dari segi prestasi Lulus Penuh berbanding dengan prestasi pada tahun 2020, iaitu mata pelajaran **Bahasa Cina** dan **satu mata pelajaran** telah menunjukkan penurunan melebihi -3.00 peratus dari segi prestasi Lulus Penuh berbanding dengan prestasi pada tahun 2020, iaitu mata pelajaran **Mathematics M**.
19. Manakala 21 mata pelajaran STPM yang lain tidak berubah prestasinya kerana beza peratusan calon yang Lulus Penuh antara tahun 2021 dengan 2020 adalah kurang daripada 3.00 peratus.

## **PENETAPAN STANDARD**

20. Penetapan standard STPM 2021 dilaksanakan dengan efisien melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia 2021 dengan dinasihat dan diselia oleh Cambridge Assessment International Education, United Kingdom, yang diwakili oleh Mr. Mark Dowling, Penasihat Standard Cambridge Assessment. Pemantauan berterusan bagi tujuan pengekalan standard ini telah dilaksanakan semenjak STPM 1982 dan pengiktirafan bahawa Sijil STPM setara dengan GCE A-Level kelolaan Cambridge Assessment International Education, UK ini tercatat di belakang Sijil STPM.
21. **Sukacita saya memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan STPM 2021 akan dikeluarkan pada hari ini, Khamis, 18 Ogos 2022.**
22. Calon sekolah boleh mendapatkan slip keputusan STPM di sekolah masing-masing mulai jam 12:00 tengah hari hari ini. Di samping itu, calon sekolah dan calon persendirian individu boleh membuat semakan keputusan STPM 2021 melalui kaedah yang berikut:
  - (i) secara sistem pesanan ringkas (SMS) untuk dapatkan ringkasan keputusan STPM 2021 dengan menaip **STPM<jarak>No.K/P<jarak>AngkaGiliran** dan hantar ke **15888**. Sistem ini akan diaktifkan mulai jam **11.00 pagi** pada **18 Ogos 2022 (Khamis)** sehingga jam **12.00 tengah hari pada 28 Ogos 2022 (Ahad)**; dan/atau

- (ii) secara dalam talian untuk dapatkan slip keputusan penuh STPM 2021 di pautan <http://stpm.mpm.edu.my/stpmK> mulai jam **12.00 tengah hari** pada **18 Ogos 2022 (Khamis)**.

### **CALON TERBAIK**

23. Sukacita dengan ini juga saya akan mengumumkan nama calon terbaik dalam peperiksaan STPM 2021. Semua calon terbaik yang akan diumumkan ini akan menerima plak dan sijil dari MPM sebagai menghargai usaha mereka untuk mencapai keputusan yang cemerlang walaupun menghadapi pelbagai kesukaran dan jerih perih.
24. Calon terbaik STPM 2021 mengikut kategori adalah seperti yang berikut:

**A. 10 calon terbaik STPM 2021, iaitu**

Bil.	Nama	Sekolah	Mata Pelajaran yang Diambil	Gred	Bil. A (PNGK)
1	Nur Errmalyssa Erryannie binti Esa	SMK Kota Klias, Beaufort, Sabah	Pengajian Am	A	5A (4.00)
			Bahasa Melayu	A	
			Sejarah	A	
			Geografi	A	
			Seni Visual	A	
2	Leong Wei Zhe	SMK (L) Methodist, Kuala Lumpur	Pengajian Am	A	5A (4.00)
			Mathematics T	A	
			Physics	A	
			Chemistry	A	
			Biology	A	
3	Nur Yasmin Hani binti Kasman	SMK Tengku Panglima Raja, Pasir Mas, Kelantan	Pengajian Am	A	5A (4.00)
			Bahasa Melayu	A	
			Kesusasteraan Melayu Komunikatif	A	
			Sejarah	A	
			Geografi	A	
4	Lim Sze Ling	SMK Pulau Sebang, Pulau Sebang, Tampin, Melaka	Pengajian Am	A	5A (4.00)
			Bahasa Melayu	A	
			Bahasa Cina	A	
			Sejarah	A	
			Ekonomi	A	
5	Nurul Izzatie binti Azman	SMK (P) Sultan Abu Bakar, Muar, Johor	Pengajian Am	A	5A (4.00)
			Bahasa Melayu	A	
			Sejarah	A	
			Geografi	A	
			Pengajian Perniagaan	A	

Bil.	Nama	Sekolah	Mata Pelajaran yang Diambil	Gred	Bil. A (PNGK)
6	Bryan Lim Kien Seng	SMK Sacred Heart, Sibu, Sarawak	Pengajian Am	A	5A (4.00)
			Perakaunan	A	
			Mathematics T	A	
			Physics	A	
			Chemistry	A	
7	Madihah binti Zulkifli	SMA Maarif, Besut, Terengganu	Pengajian Am	A	5A (4.00)
			Bahasa Arab	A	
			Syariah	A	
			Usuluddin	A	
			Sejarah	A	
8	Nurin Shafikah binti Rosdi	SMK Tendong, Pasir Mas, Kelantan	Pengajian Am	A	5A (4.00)
			Bahasa Melayu	A	
			Sejarah	A	
			Geografi	A	
			Ekonomi	A	
9	Veni Tharani a/p Manimaran	SMK Tunku Ampuan Durah, Seremban, Negeri Sembilan	Pengajian Am	A	5A (4.00)
			Bahasa Melayu	A	
			Bahasa Tamil	A	
			Sejarah	A	
			Ekonomi	A	
10	Lois Low Xin Ning	SMK Sam Tet, Ipoh, Perak	Pengajian Am	A	5A (4.00)
			Mathematics T	A	
			Physics	A	
			Chemistry	A	
			Biology	A	

B. Seorang calon terbaik STPM 2021 kategori B40, iaitu

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Sekolah</b>	<b>Mata Pelajaran yang Diambil</b>	<b>Gred</b>	<b>Bil. A (PNGK)</b>
1	Intan Ayuni binti Abdul Rahim	SMK Clifford, Kuala Lipis, Pahang	Pengajian Am (900)	A	5A (4.00)
			Bahasa Melayu (910)	A	
			Sejarah (940)	A	
			Geografi (942)	A	
			Seni Visual	A	

C. Calon terbaik STPM 2021 kategori Calon Berkeperluan Pendidikan Khas

(i) Buta (seorang)

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Sekolah</b>	<b>Mata Pelajaran yang Diambil</b>	<b>Gred</b>	<b>Bil. A (PNGK)</b>
1	Irshad Fikri bin Shahrizal	ST. John's Institution, Kuala Lumpur	Pengajian Am	A	3A (3.83)
			Bahasa Melayu	B+	
			Kesusasteraan Melayu Komunikatif	A	
			Sejarah	A	

(ii) Rabun (seorang)

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Sekolah</b>	<b>Mata Pelajaran yang Diambil</b>	<b>Gred</b>	<b>Bil. A (PNGK)</b>
1	Niki Amirul bin Zimi	SMK Tengku Panglima Raja, Pasir Mas, Kelantan	Pengajian Am	A	3A, 2A- (3.92)
			Bahasa Melayu	A-	
			Sejarah	A-	
			Geografi	A	
			Ekonomi	A	

(iii) Autistik (seorang)

Bil.	Nama	Sekolah	Mata Pelajaran yang Diambil	Gred	Bil. A (PNGK)
1	Ong Zhi Lin	SMK Tinggi Segamat, Segamat, Johor	Pengajian Am	A	4A (4.00)
			Ekonomi	A	
			Pengajian Perniagaan	A	
			Mathematics M	A	

D. Seorang calon terbaik STPM 2021 kategori Orang Asli

Bil.	Nama	Sekolah	Mata Pelajaran yang Diambil	Gred	Bil. A (PNGK)
1	Nora Adila a/p Tahut	SMK Sulaiman, Bentong, Pahang	Pengajian Am	A-	2A, 2A- (3.84)
			Bahasa Melayu	A-	
			Sejarah	A	
			Geografi	A	

## PENUTUP

25. MPM mempunyai jalinan akrab dan akan meneruskan kolaborasi yang baik dengan **Cambridge Assessment International Education, United Kingdom** bagi memastikan sijil STPM sejak tahun 1982 diiktiraf setaraf dengan GCE Advanced Level yang dikelolakan oleh Cambridge Assessment International Education, United Kingdom dan STPM telah diiktiraf di seluruh dunia. Calon boleh menggunakan Sijil STPM untuk memohon ke universiti luar negara.
26. MPM juga akan memastikan peperiksaan STPM dan MUET dikelolakan mengikut standard piawaian seperti yang telah dianugerahkan kepada MPM dengan **Sijil Sistem Pengurusan**

**Kualiti ISO 9001:2015 (QMS01934)** yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa.

27. Di samping itu Majlis Peperiksaan Malaysia akan terus memperkasakan jalinan hubungan dengan **International Association for Educational Assessment (IAEA), USA**, iaitu sebuah pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh badan pentaksiran pendidikan yang terkemuka di dunia dan diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam bidang pentaksiran selaras dengan keahlian MPM sebagai **Ahli Tetap** IAEA semenjak tahun 1984.
28. Sebagai tindakan pasca COVID-19 dan *Way Forward* MPM, MPM telah melaksanakan rancangan pengendalian peperiksaan secara dalam talian bagi peperiksaan yang berikut:
  - (i) Pemeriksaan secara dalam talian (*e-marking*) untuk peperiksaan STPM bagi mata pelajaran yang berikut **Syariah, Ekonomi, Pengajian Perniagaan, Information & Communications Technology, Physics, Chemistry, dan Biology**;
  - (ii) Peperiksaan secara dalam talian (*e-testing*) untuk peperiksaan *Medical Specialist Pre-Entrance Examinations* (MedEx) mulai MedEx 2020. Peperiksaan MedEx merupakan peperiksaan yang dikelolakan oleh MPM mulai tahun 2019 bagi pihak Majlis Dekan Perubatan Universiti Awam;

- (iii) peperiksaan Imtihan *al-Kafaah Li a-Lughah al-Arabiyyah* (IKLA) mulai peperiksaan tahun 2021 yang dikendalikan oleh MPM bagi pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM);
  - (iv) peperiksaan Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW) mulai peperiksaan tahun 2021. Peperiksaan SKBMW merupakan peperiksaan kelolaan MPM yang termaktub dalam Jadual 1 Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225]. Pada tahun 2021, sebanyak 40 warganegara Jepun telah menduduki peperiksaan ini secara dalam talian di Jepun; dan
  - (v) ujian MUET Speaking secara kaedah *MUET on Demand* (MoD) telah dilaksanakan secara dalam talian kepada calon MoD di Lombok, Indonesia pada 2 hingga 4 Ogos 2022 dan mulai MoD Sesi Ogos 2022 di Malaysia.
29. Bagi MUET yang telah disejajarkan dengan *Common European Framework of Reference* (CEFR) mulai MUET Sesi 1 2021 pula, MPM kini dalam usaha memperkasakan MUET ke peringkat antarabangsa, khususnya di Indonesia, China, dan Pakistan. Pada 6 dan 7 Ogos 2022, atas permintaan **Education Malaysia Jakarta, Indonesia dan Lembaga Pengembangan Pendidikan Nusa Tenggara Barat, Lombok, Indonesia**, MUET telah dilaksanakan secara kaedah MoD di Lombok, Indonesia. Pelaksanaan MUET pada tahun ini merupakan pelaksanaan MUET kali ketiga di Indonesia.

30. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pelajar yang berjaya dalam peperiksaan STPM 2021 dan MUET 2021.
31. Tidak lupa sekalung syabas kepada ibu bapa, penjaga, guru, dan kepada semua pelajar STPM.
32. Bagi pelajar yang masih belum menunjukkan kejayaan memberangsangkan diharap tidak putus asa. Cuba lagi dalam peperiksaan STPM yang akan datang.
33. Kepada calon yang akan menduduki STPM 2022, diharapkan kejayaan calon STPM 2021 dapat dijadikan suntikan semangat dan motivasi.
34. Akhir kata, sebagai Pengerusi Majlis yang mewakili Ahli Majlis Peperiksaan Malaysia yang lain, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua, khususnya kepada;
  - (a) YB Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin,
  - (b) KSU Kementerian Pendidikan Malaysia,
  - (c) Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia,
  - (d) Ahli-Ahli Majlis Peperiksaan Malaysia,
  - (e) Ketua Eksekutif MPM,
  - (f) Warga MPM,
  - (g) Cambridge Assessment International Education, UK,
  - (h) Bahagian-Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia,  
Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah,
  - (i) Lembaga Peperiksaan,

- (j) Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BKPA), Kementerian Pengajian Tinggi
- (k) Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA dan IPTS),
- (l) Pengetua, guru, wakil industri,
- (m) ibu bapa, calon, masyarakat, dan
- (n) tidak ketinggalan juga kepada **pihak media** yang telah memberikan sokongan yang padu dan terus menerus kepada Majlis Peperiksaan Malaysia dalam mengangkat martabat dan memperkasakan STPM sebagai produk Malaysia (Malaysia Brand) yang menjadi kebanggaan kita.

Akhir kata, didoakan semoga Allah S.W.T perkenankan doa kita agar kita semua sentiasa dilindungi serta dijauhkan daripada wabak-wabak yang sedang dialami oleh negara kita.

Syabas **MPM**.

Sekian, terima kasih.

**YBHG. PROF. DATO' GS. TS. DR. MOHD EKHWAN  
BIN HAJI TORIMAN**  
Pengerusi Majlis  
Majlis Peperiksaan Malaysia  
yang juga  
Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

**18 OGOS 2022**

## Lampiran 1

Perbandingan Bilangan Calon yang Mendaftar dan Bilangan Calon yang Hadir Mengikut Jenis Calon dalam Peperiksaan STPM 2020 dan STPM 2021						
Jenis Calon	STPM 2020		STPM 2021		Beza	
	Bil.	peratus	Bil.	peratus	Bil.	peratus Naik Turun
<b>Calon Yang Mendaftar</b>						
Calon sekolah kerajaan	44,393	99.30	42,001	99.13	-2,392	-5.39
Calon sekolah swasta	106	0.24	72	0.17	-34	-32.08
Calon persendirian individu	191	0.43	277	0.65	86	45.03
Calon sekolah kerajaan negeri	14	0.03	19	0.05	5	35.71
Calon sekolah integriti	0	0.00	0	0.00	0	0.00
<b>Jumlah</b>	<b>44,704</b>	<b>100.00</b>	<b>42,369</b>	<b>100.00</b>	<b>-2,335</b>	<b>-5.22</b>
<b>Calon Yang Hadir</b>						
Calon sekolah kerajaan	42,809	99.60	40,743	99.55	-2,066	-4.83
Calon sekolah swasta	95	0.22	60	0.15	-35	-36.84
Calon persendirian individu	65	0.15	104	0.25	39	60.00
Calon sekolah kerajaan negeri	14	0.03	19	0.05	5	35.71
Calon sekolah integriti	0	0.00	0	0.00	0	0.00
<b>Jumlah</b>	<b>42,983</b>	<b>100.00</b>	<b>40,926</b>	<b>100.00</b>	<b>-2,057</b>	<b>-4.79</b>

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 8 Ogos 2022)

## Lampiran 2

### Perbandingan Bilangan Calon Mengikut Jantina dalam Peperiksaan STPM 2021

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	28,448	69.51
Perempuan	12,478	30.49
<b>Jumlah hadir</b>	<b>40,926</b>	<b>100.00</b>

### **Lampiran 3**

#### **Perbandingan Bilangan Calon Mengikut Aliran dalam Peperiksaan STPM 2021**

<b>Aliran</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Sains Sosial	37,259	91.04
Sains	3,667	8.96
<b>Jumlah hadir</b>	<b>40,926</b>	<b>100.00</b>

## Lampiran 4

<b>Bilangan dan Peratusan Calon yang Hadir Mengikut Kaum dan Aliran STPM 2021</b>						
<b>Kaum</b>	<b>Sains</b>		<b>Sains Sosial</b>		<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>Peratusan</b>
	<b>Bilangan Hadir</b>	<b>Peratusan</b>	<b>Bilangan Hadir</b>	<b>Peratusan</b>		
<b>Bumiputera</b> (Melayu, Orang Asli; Sabah-Bajau, Kadazan, Murut, Bidayuh, Kadayan; Sarawak-Iban dan Melanau)	534	14.56	29,959	80.41	30,493	74.51
<b>Cina</b>	2,724	74.29	4,382	11.76	7,106	17.36
<b>India</b>	366	9.98	2,067	5.55	2,433	5.94
<b>Lain-lain</b> [Benggali (Bengal), Punjabi (Sikh), Filipino, dan Indonesia]	43	1.17	851	2.28	894	2.18
<b>Jumlah</b>	<b>3,667</b>	<b>100.00</b>	<b>37,259</b>	<b>100.00</b>	<b>40,926</b>	<b>100.00</b>

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 8 Ogos 2022)

## Lampiran 5

<b>Bilangan dan Peratusan Calon yang Mendaftar dan Hadir Mengikut Lima dan Empat Mata Pelajaran STPM 2021</b>				
<b>Bilangan Mata Pelajaran</b>	<b>Calon Yang Mendaftar</b>		<b>Calon Yang Hadir</b>	
	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan</b>
5 Mata Pelajaran	3,564	8.41	3,401	8.31
4 Mata Pelajaran	38,755	91.47	37,510	91.65
<b>Jumlah</b>	<b>42,319</b>	<b>99.88</b>	<b>40,911</b>	<b>99.96</b>
Jumlah yang ambil kurang 3 Mata Pelajaran ke bawah	50	0.12	15	0.04
<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>42,369</b>	<b>100.00</b>	<b>40,926</b>	<b>100.00</b>

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 8 Ogos 2022)

## Lampiran 6

### Perbandingan Bilangan Calon STPM 2020 dengan STPM 2021 Mengikut Mata Pelajaran

Bil.	Mata Pelajaran	STPM 2020		STPM 2021	
		Bilangan Mendaftar	Bilangan Hadir	Bilangan Mendaftar	Bilangan Hadir
1	Pengajian Am (900)	44,687	42,402	42,340	40,855
2	Bahasa Melayu (910)	30,415	28,802	28,717	27,652
3	Bahasa Cina (911)	312	289	299	285
4	Bahasa Tamil (912)	616	566	653	617
5	Bahasa Arab (913)	1,851	1,805	1,480	1,403
6	Literature In English (920)	79	77	71	61
7	Kesusasteraan Melayu Komunikatif (922)	6,095	5,634	5,965	5,662
8	Syariah (930)	2,397	2,311	1,860	1,805
9	Usuluddin (931)	1,142	1,121	941	914
10	Tahfiz Al-Quran	71	69	116	111
11	Sejarah (940)	23,550	22,395	22,258	21,271
12	Geografi (942)	12,346	11,789	11,474	10,950
13	Ekonomi (944)	13,939	13,382	13,344	12,872
14	Pengajian Perniagaan (946)	17,266	16,631	16,547	15,931
15	Perakaunan (948)	2,437	2,341	2,223	2,164
16	Mathematics M (950)	759	736	698	673
17	Mathematics T (954)	3,714	3,612	3,712	3,607
18	Information and Communications Technology (958)	659	618	590	553
19	Physics (960)	1,820	1,762	1,801	1,751
20	Chemistry (962)	3,590	3,499	3,622	3,524
21	Biology (964)	1,910	1,838	1,926	1,867
22	Sains Sukan (966)	3,602	3,417	3,484	3,360
23	Seni Visual (970)	8,917	8,487	8,809	8,448

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 18 Jun 2021)

## Lampiran 7

<b>Perbandingan Pencapaian Calon Secara Keseluruhan dalam Peperiksaan STPM 2020 dan Peperiksaan STPM 2021</b>					
<b>Bil.</b>	<b>Pencapaian Calon</b>	<b>Tahun</b>		<b>Beza</b>	
		<b>2020</b>	<b>2021</b>	<b>peratus</b>	<b>Bil. Calon</b>
1	PNGK Nasional	2.78	2.79	+0.01	-
2	PNGK 4.00	1.72 peratus (741 calon)	2.14 peratus (874 calon)	+0.42	+133
3	PNGK 3.75 dan ke atas	7.98 peratus (3,431 calon)	9.04 peratus (3,697 calon)	+1.06	+266
4	PNGK 3.00 dan ke atas	40.85 peratus (17,559 calon)	41.72 peratus (17,072 calon)	+0.87	-487
5	PNGK 2.75 dan ke atas	55.22 peratus (23,738 calon)	55.85 peratus (22,855 calon)	+0.63	-883
6	PNGK 2.00 dan ke atas	87.32 peratus (37,533 calon)	88.24 peratus (36,112 calon)	+0.92	-1,421
7	Peratusan calon yang mendapat 5A dan 4A	1.78 peratus (767 calon)	2.19 peratus (896 calon)	+0.41	+129
8	Peratusan calon yang mendapat lulus penuh dalam <u>lima dan empat</u> mata pelajaran (gred C dan ke atas)	72.97 peratus (31,366 calon)	73.70 peratus (30,160 calon)	+0.73	-1,206
<b>Bil. Calon Hadir</b>		42,983	40,926	-4.79	-2,057
<b>Bil. Calon Daftar</b>		44,704	42,369	-5.22	-2,335

## Lampiran 8

### Perbandingan Pencapaian Calon Secara Keseluruhan dalam Peperiksaan STPM 2020 dan Peperiksaan STPM 2021

Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK)	Bilangan calon		Peratusan		Bilangan calon Longgokan		Peratusan Longgokan	
	2020	2021	2020	2021	2020	2021	2020	2021
<b>4.00</b>	<b>741</b>	<b>874</b>	<b>1.72</b>	<b>2.14</b>	<b>741</b>	<b>874</b>	<b>1.72</b>	<b>2.14</b>
3.92	774	864	1.80	2.11	1,515	1,738	3.52	4.25
3.84	513	525	1.19	1.28	2,028	2,263	4.71	5.53
3.83	378	416	0.88	1.02	2,406	2,679	5.59	6.55
<b>3.75</b>	<b>1,025</b>	<b>1,018</b>	<b>2.38</b>	<b>2.49</b>	<b>3,431</b>	<b>3,697</b>	<b>7.98</b>	<b>9.04</b>
3.67	1,108	1,110	2.58	2.71	4,539	4,807	10.56	11.75
3.59	517	474	1.20	1.16	5,056	5,281	11.76	12.91
3.58	733	716	1.71	1.75	5,789	5,997	13.46	14.66
3.50	1,345	1,281	3.13	3.13	7,134	7,278	16.59	17.79
3.42	1,523	1,333	3.54	3.26	8,657	8,611	20.14	21.04
3.34	574	486	1.34	1.19	9,231	9,097	21.47	22.23
3.33	1,039	1,013	2.42	2.48	10,270	10,110	23.89	24.71
3.25	1,701	1,671	3.96	4.08	11,971	11,781	27.85	28.79
3.17	1,812	1,605	4.22	3.92	13,783	13,386	32.06	32.71
3.09	699	634	1.63	1.55	14,482	14,020	33.69	34.26
3.08	1,141	1,176	2.65	2.87	15,623	15,196	36.34	37.13
<b>3.00</b>	<b>1,936</b>	<b>1,876</b>	<b>4.50</b>	<b>4.58</b>	<b>17,559</b>	<b>17,072</b>	<b>40.85</b>	<b>41.72</b>
2.92	2,048	1,841	4.76	4.50	19,607	18,913	45.61	46.22
2.84	843	793	1.96	1.94	20,450	19,706	47.57	48.15
2.83	1,183	1,164	2.75	2.84	21,633	20,870	50.33	51.00
<b>2.75</b>	<b>2,105</b>	<b>1,985</b>	<b>4.90</b>	<b>4.85</b>	<b>23,738</b>	<b>22,855</b>	<b>55.22</b>	<b>55.85</b>
2.67	1,964	1,817	4.57	4.44	25,702	24,672	59.79	60.29
2.59	707	647	1.64	1.58	26,409	25,319	61.44	61.87
2.58	1,270	1,198	2.95	2.93	27,679	26,517	64.39	64.80
2.50	1,856	1,763	4.32	4.31	29,535	28,280	68.71	69.10
2.42	1,721	1,624	4.00	3.97	31,256	29,904	72.71	73.07
2.34	414	484	0.96	1.18	31,670	30,388	73.68	74.26
2.33	1,133	1,113	2.64	2.72	32,803	31,501	76.31	76.98
2.25	1,433	1,393	3.33	3.40	34,236	32,894	79.65	80.38
2.17	1,297	1,247	3.02	3.05	35,533	34,141	82.66	83.43
2.09	304	283	0.71	0.69	35,837	34,424	83.37	84.12
2.08	776	763	1.81	1.86	36,613	35,187	85.18	85.98
<b>2.00</b>	<b>920</b>	<b>925</b>	<b>2.14</b>	<b>2.26</b>	<b>37,533</b>	<b>36,112</b>	<b>87.32</b>	<b>88.24</b>
<b>Jumlah Calon</b>	<b>37,533</b>	<b>36,112</b>						
<b>Jumlah Keseluruhan Calon</b>	<b>42,983</b>	<b>40,926</b>						

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 8 Ogos 2022)

## Lampiran 9

<b>Bilangan Calon yang Mendapat PNGK 4.00 Mengikut Aliran dan Jantina STPM 2021</b>						
<b>PNGK</b>	<b>Bil. Mata Pelajaran</b>	<b>Aliran Sains</b>		<b>Aliran Sains Sosial</b>		
		<b>Lelaki</b>	<b>Perempuan</b>	<b>Lelaki</b>	<b>Perempuan</b>	
4	5	8	2	18	55	
4	4	57	45	196	493	
<b>Jumlah</b>		<b>65</b>	<b>47</b>	<b>214</b>	<b>548</b>	
<b>Keseluruhan</b>		<b>112</b>		<b>762</b>		
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>874</b>				

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 8 Ogos 2022)

## Lampiran 10

Perbandingan PNGK Calon Mengikut Aliran STPM 2020 dan STPM 2021					
Aliran	STPM 2020		STPM 2021		Beza PNGK
	Bil. Calon	PNGK	Bil. Calon	PNGK	
Sains Sosial	38,474	2.79	37,021	2.79	0.00
Sains	3,625	2.76	3,624	2.79	+0.03
<b>Jumlah*</b>	<b>42,099</b>		<b>40,645</b>		
<b>Jumlah Calon Hadir**</b>	<b>42,983</b>	<b>2.78</b>	<b>40,926</b>	<b>2.79</b>	<b>+0.01</b>

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 8 Ogos 2022)

\*Jumlah calon yang ada PNGK

\*\*Jumlah semua calon termasuk calon yang tidak mendapat PNGK

## Lampiran 11

<b>Perbandingan PNGK Calon Bandar dan Luar Bandar dalam STPM 2020 dan STPM 2021</b>			
<b>Lokasi</b>	<b>PNGK STPM 2020</b>	<b>PNGK STPM 2021</b>	<b>Beza PNGK</b>
Bandar	2.80	2.79	-0.01
Luar Bandar	2.78	2.79	+0.01
<b>Beza (Jurang)</b>	<b>0.02</b>	<b>0.00</b>	

## Lampiran 12

<b>Perbandingan Bilangan Calon Mendapat Gred A dalam Lima dan Empat Mata Pelajaran pada Peperiksaan STPM 2020 dan STPM 2021</b>				
<b>Bilangan Gred A yang Diperoleh</b>	<b>Bilangan Calon</b>			
	<b>STPM 2020 (Jumlah hadir 42,983)</b>		<b>STPM 2021 (Jumlah hadir 40,926)</b>	
	<b>Bil.</b>	<b>peratus</b>	<b>Bil.</b>	<b>peratus</b>
5A	23	0.05	36	0.09
4A	744	1.73	860	2.10
<b>PNGK 4.00</b>	<b>767</b>	<b>1.78</b>	<b>896</b>	<b>2.19</b>

## Lampiran 13

**Perbandingan Bilangan dan Peratusan Calon Sekolah Kerajaan, Sekolah Swasta, dan Calon Persendirian Individu Yang mendapat Lulus Penuh dalam 5 hingga 4 Mata Pelajaran  
Dalam Peperiksaan STPM 2019, STPM 2020 dan STPM 2021**

Bilangan Mata Pelajaran dengan Kelulusan Penuh	STPM 2019		STPM 2020		STPM 2021	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
<b>CALON SEKOLAH KERAJAAN</b>						
5 mata pelajaran	1,986	4.46	1,887	4.41	1,980	4.86
4 mata pelajaran	30,892	69.42	29,400	68.68	28,131	69.04
3 mata pelajaran	6,412	14.41	6,316	14.75	5,890	14.46
2 mata pelajaran	3,007	6.76	3,009	7.03	2,626	6.45
1 mata pelajaran	1,627	3.66	1,659	3.88	1,546	3.79
<b>Jumlah</b>	<b>43,924</b>	<b>98.70</b>	<b>42,271</b>	<b>98.74</b>	<b>40,173</b>	<b>98.60</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>44,501</b>	<b>100.00</b>	<b>42,809</b>	<b>100.00</b>	<b>40,743</b>	<b>100.00</b>
Bilangan Mata Pelajaran dengan Kelulusan Penuh	STPM 2019		STPM 2020		STPM 2021	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
<b>CALON SEKOLAH SWASTA</b>						
5 mata pelajaran	0	0.00	0	0.00	0	0.00
4 mata pelajaran	103	61.68	55	57.89	22	36.67
3 mata pelajaran	19	11.38	10	10.53	12	20.00
2 mata pelajaran	12	7.19	9	9.47	6	10.00
1 mata pelajaran	16	9.58	9	9.47	13	21.67
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>89.82</b>	<b>83</b>	<b>87.37</b>	<b>53</b>	<b>88.33</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>167</b>	<b>100.00</b>	<b>95</b>	<b>100.00</b>	<b>60</b>	<b>100.00</b>
Bilangan Mata Pelajaran dengan Kelulusan Penuh	STPM 2019		STPM 2020		STPM 2021	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
<b>CALON PERSENDIRIAN INDIVIDU</b>						
5 mata pelajaran	0	0.00	0	0.00	0	0.00
4 mata pelajaran	14	10.94	16	24.62	13	12.50
3 mata pelajaran	11	8.59	4	6.15	12	11.54
2 mata pelajaran	28	21.88	6	9.23	20	19.23
1 mata pelajaran	26	20.31	14	21.54	31	29.81
<b>Jumlah</b>	<b>79</b>	<b>61.72</b>	<b>40</b>	<b>61.54</b>	<b>76</b>	<b>73.08</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>128</b>	<b>100.00</b>	<b>65</b>	<b>100.00</b>	<b>104</b>	<b>100.00</b>

### Lampiran 13 (...sambungan)

Bilangan Mata Pelajaran dengan Kelulusan Penuh	STPM 2019		STPM 2020		STPM 2021	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
<b>CALON SEKOLAH KERAJAAN NEGERI</b>						
5 mata pelajaran	0	0.00	0	0.00	0	0.00
4 mata pelajaran	26	96.30	8	57.14	14	73.68
3 mata pelajaran	1	3.70	6	42.86	3	15.79
2 mata pelajaran	0	0.00	0	0.00	1	5.26
1 mata pelajaran	0	0.00	0	0.00	0	0.00
<b>Jumlah</b>	<b>27</b>	<b>100.00</b>	<b>14</b>	<b>100.00</b>	<b>19</b>	<b>100.00</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>27</b>	<b>100.00</b>	<b>14</b>	<b>100.00</b>	<b>19</b>	<b>100.00</b>

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 8 Ogos 2022)

## Lampiran 14

### Perbandingan Peratus Lulus Penuh (Gred C ke Atas) Mata Pelajaran STPM 2020 dan STPM 2021

Bil	Kod Mata Pelajaran	Mata Pelajaran	Peratusan Lulus Penuh		Beza Peratusan
			2020	2021	
1	900	Pengajian Am	91.67	92.24	+0.57
2	910	Bahasa Melayu	92.65	92.27	-0.38
3	911	Bahasa Cina	86.51	91.23	+4.72
4	912	Bahasa Tamil	79.86	79.58	-0.28
5	913	Bahasa Arab	75.12	73.41	-1.71
6	920	Literature In English	88.31	88.52	+0.21
7	922	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	89.55	87.62	-1.93
8	930	Syariah	92.3	90.08	-2.22
9	931	Usuluddin	91.53	89.39	-2.14
10	932	Tahfiz Al-Quran	95.65	97.30	0.00
11	940	Sejarah	90.34	89.52	-0.82
12	942	Geografi	88.81	88.77	-0.04
13	944	Ekonomi	79.5	77.56	-1.94
14	946	Pengajian Perniagaan	80.35	81.08	+0.73
15	948	Perakaunan	89.24	86.69	-2.55
16	950	Mathematics M	74.73	70.88	-3.85
17	954	Mathematics T	73.09	74.85	+1.76
18	958	Information Communications Technology	91.10	92.22	+1.12
19	960	Physics	81.04	81.67	+0.63
20	962	Chemistry	86.54	84.79	-1.75
21	964	Biology	81.88	82.00	+0.12
22	966	Sains Sukan	97.6	96.37	-1.23
23	970	Seni Visual	97.74	98.33	+0.59

## Lampiran 15

### Bilangan dan Peratusan Calon STPM 2021 yang Mendapat Gred A Mengikut Mata Pelajaran

Bil.	Kod Mata Pelajaran	Mata Pelajaran	Bilangan Hadir	Bilangan Mendapat A	Peratusan Mendapat A
1	900	Pengajian Am	40,855	3,085	7.55
2	910	Bahasa Melayu	27,652	3,852	13.93
3	911	Bahasa Cina	285	51	17.89
4	912	Bahasa Tamil	617	43	6.97
5	913	Bahasa Arab	1,403	168	11.97
6	920	Literature in English	61	6	9.84
7	922	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	5,662	574	10.14
8	930	Syariah	1,805	206	11.41
9	931	Usuluddin	914	103	11.27
10	932	Tahfiz Al-Quran	111	53	47.75
11	940	Sejarah	21,271	1,899	8.93
12	942	Geografi	10,950	1,479	13.51
13	944	Ekonomi	12,872	1,870	14.53
14	946	Pengajian Perniagaan	15,931	1,760	11.05
15	948	Perakaunan	2,164	326	15.06
16	950	Mathematics M	673	87	12.93
17	954	Mathematics T	3,607	441	12.23
18	958	Information and Communications Technology	553	110	19.89
19	960	Physics	1,751	239	13.65
20	962	Chemistry	3,524	260	7.38
21	964	Biology	1,867	134	7.18
22	966	Sains Sukan	3,360	237	7.05
23	970	Seni Visual	8,448	1,759	20.82

## Lampiran 16

### Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan STPM

**STPM 2021: Penetapan Standard Bersama  
Cambridge Assessment International Education, UK**





**Pemantauan penetapan standard STPM berterusan oleh Jawatankuasa Pensijilan semenjak STPM 1982**





**Konsultan dari Bahagian Standard, Cambridge Assessment International Education, UK**





**Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan STPM 2021**



**ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2021**

**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA  
MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL**



7

## Lampiran 17



# Lampiran 18

JPA(S)324/1 Klt. 36(17)

Siri No.



KERAJAAN MALAYSIA

## SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2005

### KELAYAKAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA MENGGUNAKAN NILAI GRED MATA PELAJARAN BAGI MAKSUD PELANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM

#### SYARAT LANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM DI PERINGKAT STPM MENGGUNAKAN NILAI GRED MATA PELAJARAN

4. Calon-calon yang memiliki Sijil STPM menggunakan NGMP boleh dilantik ke skim-skim perkhidmatan awam berdasarkan tahap kelulusan berikut:

4.1 lulus sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran atas Gred C dengan NGMP 2.00 dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam satu peperiksaan STPM;

atau

4.2 lulus 2 mata pelajaran dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam satu peperiksaan STPM dengan syarat kedua-dua mata pelajaran yang lulus itu mestilah sekurang-kurangnya mendapat:

2

- (a) Gred B dan B (NGMP 3.00 dan 3.00); atau
- (b) Gred B+ dan B- (NGMP 3.33 dan 2.67); atau
- (c) Gred A- dan C+ (NGMP 3.67 dan 2.33); atau
- (d) Gred A dan C (NGMP 4.00 dan 2.00).

atau

4.3 lulus sekurang-kurangnya 2 mata pelajaran atas Gred C (NGMP 2.00) dan 2 mata pelajaran atas Gred C-, D+ atau D (NGMP 1.67, 1.33 atau 1.00) serta lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam satu peperiksaan STPM;

atau

4.4 lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran yang berlainan atas Gred C (NGMP 2.00) dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam STPM yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut.

5. Calon-calon yang tidak memiliki keputusan seperti di perenggan 4.1, 4.2, 4.3 atau 4.4 adalah tidak layak dipertimbang untuk maksud lantikan ke jawatan-jawatan yang mensyaratkan kelulusan STPM yang menggunakan NGMP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.